# MAHARAJA ABU BAKAR JOHOR

KASMIN

ARKIB
rb
fAC895
M22K19

Susunan : Kasmin Mohamad .

# DASAR - DASAR PEMERENTAHAN NEGERI JOHOR PADA MASA MAHARAJA ABU BAKAR YANG DAPAT DIKATAKAN BAHAWA BELIAU ADALAH SEBAGAI PENGASAS JOHOR MODEN .

Sejarah .
Pengajian Kemanusiaan .
Universiti Sains Malaysia .
Malaysia .
1973/1974 .

## ISI KANDUNGAN


muka

i. Kata Pengantar .

ii. Pembukaan .

1. Pendahuluan . 1

2. Pendirian Kerajaan . 3
-Kemerdekaan Negeri Johor - Mengadakan perjanjian dengan Pahang - Bernaung dengan Inggeris - Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor - Undang -Undang Kangcu .

3. Cara-Cara Pemerentahan dan Pentadbiran . 36
Dasar Pentadbiran - Maharaja - Jamaah Menteri - Pegawai- Pegawai Besar - Ketua-Ketua Kerajaan - Daerah- Daerah .

4. Perkembangan Politik , Ekonomi dan Sosial zaman Kerajaan Maharaja Abu Bakar . Penutup . 45

5. Bibliografi .

KATA PENGANTAR

Teses kecil ini merupakan latihan ulung bagi diri saya dalam kursus sejarah di Universiti Sains Malaysia . Khusus di buat sebagai satu kursus wajib bagi siswa yang mengikuti kursus tersebut . Saya memilih tajuk tersebut adalah dengan tujuan untuk mendalami sebahagian dari sejarah negeri saya sendiri iaitu negeri Johor serta cuba melihat sejauh manakah peranan raja dalam memerentah negeri dizaman kegiatan penjajah mengembangkan sayapnya di Asia khususnya di Tenggara Asia . Melihat kegiatan zaman sekarang dimana feudalisme merupakan duri dalam daging rakyat yang cintakan demokrasi dan sosialisme saya cuba membentangkan untuk tinjauan bahawa dizaman abad kesembilanbelas feudalisme memang masih perlu terutamanya didaerah Asia , khasnya di Malaya .

Melalui halaman ini saya mengucapkan terimakasih kepada yang dihormati Saudara Professor Shahrom Ahmat , Dekan Pengajian Kemanusiaan , Universiti Sains Malaysia , yang telah memberikan petunjuk dan bimbingan ikhlas dalam mengikuti dan menjayakan kursus ini sehingga teses kecil ini dapat diselesaikan.

Juga terimakasih saya kepada Saudara Pengarah Arkib Negara Bahagian Selatan , Johor Bahru , serta semua kakitangan pembantunya , yang telah memberikan layanan mesra dan ikhlas dalam mendapatkan bahan-bahan untuk penyelidikkan ini.

Kasmin Muhamad .

Universiti Sains Malaysia.
1973/1974.

Dengan mangkatnya Maharaja Abu Bakar maka nasib negara Johor juga ikut berubah kerana gantinya iaitu Sultan Ibrahim , anakanda nya sendiri , tidak setegas ayahandanya , dimana Sul tang Ibrahim telah menerima untuk memindakan ar tikel ketiga dari persetiaan Johor-Great Britain tahun 1885 dengan kerelaan menerima seorang General Adviser British yang sama tujuannya dengan Resident. Pindaan itu dibuat pada tahun 1914 , lalu kemerdekaan negeri Johor pun mula diperkosa oleh British dan dengan itu imeg Johor yang dahulunya lebih tinggi dari Negeri Melayu yang lain telah rubuh . Hal ini barangkali memang sulit untuk Sultan Ibrahim yang baru memerentah kerana waktu itu Johor telah terke pong oleh kuasa British yang telah meliputi seluruh Tanah Melayu(kecuali Johor)dan Singapura juga adalah wilayah British yang stratigik. Justeru itu Johor tidak boleh tidak terpaksa masuk kedalam perangkap Inggeris yang telah ada disekeliling Johor demi memelihara keamanan . Jika dibuat tentangan ternya ta akan kalah sebagaimana yang berlaku keatas gerom bolan-gerombolan patriot kecil seperti Maharaja Lela di Perak , Bahaman dan Mat Kilau di Pahang , Datuk Janggut di Kelantan dan beberapa tempat lagi .

Namun begitu Sultan Ibrahim telah meneruskan dasar baru dalam beberapa bidang yang telah diasaskan oleh ayahandanya seperti mewa jibkan pelajaran kepada anak-anak , mengadakan tentera dirajanya sendiri (masih ada hingga sekarang) dan memperkuatkan dasar sekolah agama selari de ngan sekolah keduniaan .

## PENDAHULUAN .

Negeri Johor adalah negeri Melayu yang terakhir sekali masuk kedalam tanah jajahan Inggeris. Negeri Melayu yang dimaksudkan disini ialah negeri -negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu . Pada masa itu wilayah tersebut belum dinamakan Malaysia seperti yang ada sekarang ini .

Dalam masa antara tahun 1874 hingga 1895 , negeri-negeri Melayu seperti Perak , Selangor , Negeri Sembilan dan Pahang telah masuk dalam sistem Resident kuasa Inggeris . Kemudian keempat-empat negeri itu disatu -kan menjadi Negeri-negeri Melayu Bersekutu ( Federated Malay States ) pada tahun 1896 . Sementara Kedah , Perlis, , Terengganu dan Kelantan sehingga 1909 adalah dibawah penguasaan Siam . Dan sesudah itu negeri-negeri itu telah menjadi naungan Inggeris . Pada tahun 1909 itu dibuat Persetiaan Siam -Inggeris untuk penyerahan kuasa tersebut . Johor pada waktu ini adalah dibawah rajanya yang berkuasa mutlak tanpa camportangan asing , khususnya Inggeris sebagaimana di negeri-negeri Melayu yang lain itu .

Mengapa Johor tidak terlibat dalam sistem Resident Inggeris itu ? Mengapa Johor tidak termasuk dalam gabungan Negeri2 Melayu Bersekutu tahun 1896 ? Mengapa Johor tidak juga menerima nasib seperti negeri-negeri yang bernaung kepada Inggeris ? Johor adalah dengan pendiriannya yang tersendiri . Johor

merupakan negeri yang merdeka .

Untuk menjawab soalan-soalan itu adalah lebih baik kita meninjau cara pentadbiran dan dasar pemerentahan negeri Johor pada masa itu . Ketua pemerentah yang bertanggungjawab berjaya menyelamatkan negeri tersebut dari terjajah kedalam kuasa Inggeris tidak lain dari Sultan negeri itu sendiri , iaitu Maharaja* Abu bakar . Bagindalah yang berani mengambil gelaran tersebut untuk dirinya dimana gelaran itu adalah lebih besar dari gelaran Raja .

* *

* Maharaja : raja segala raja-raja , bahasa Sanskrit .